

Kredibiliti penting bagi dai berdepan masyarakat

Ilmu pengetahuan tinggi, mahir guna teknologi komunikasi bantu penyampaian berkesan

B/A 31/5/12 MS 5.

Oleh Hasliza Hassan
hasliza@bharian.com.my

APA itu LGBT? Jenama minyak wangi baru ke? Bunyinya agak kelakar, tetapi bagi mereka yang tahu LGBT merujuk kepada gerakan lesbian, gay, biseksual dan transeksual. Rangan terkejut kerana masih ada yang tidak tahu apa dimaksudkan dengan singkatan LGBT itu.

Itu hanya satu contoh diberikan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mashitah Ibrahim, ketika menyampaikan ucapan pada Simposium Pendakwah Wanita Peringkat Kebangsaan anjuran Jabatan Kemajuan Islam di Masjid Putra, Putrajaya, baru-baru ini.

Beliau berkata, jika pendakwah tidak peka dengan isu semasa yang dibangkitkan, bagaimana mereka hendak menjawab apabila ada pihak bertanyakan mengenainya dan keadaan itu menampakkan kelemahan sebagai seorang dai.

“Demokrasi liberal, pluralisme dan banyak lagi isu membabitkan akidah serta kepercayaan umat Islam yang berbangkit hari ini, jika pendakwah sendiri tidak faham sesuatu itu bagaimana mereka hendak menjawab apabila ada yang bertanya.

“Sekarang ini pula, yang bertanya selalunya inginkan jawapan segera dan apabila tidak ada jawapan, maka jadi lompang. Akhirnya, soalan itu dijawab orang yang tidak mempunyai



Sekarang ini pula, yang bertanya selalunya inginkan jawapan segera dan apabila tidak ada jawapan, maka jadi lompang. Akhirnya, soalan itu dijawab orang yang tidak mempunyai kredibiliti dan ini sangat berbahaya

Mashitah Ibrahim
Timbalan Menteri
di Jabatan Perdana Menteri



PESERTA Simposium Pendakwah Wanita serius mendengar amanat Mashitah di Putrajaya baru-baru ini.

yang tidak dapat disangkal mereka,” katanya.

Dalam ucapannya, Mashitah juga mengingatkan pendakwah kesan arus globalisasi dan revolusi bidang teknologi maklumat yang menjadi

saja peraturan. Mereka menganggap tindakan pihak berkuasa agama sebagai menjalankan tugas polis moral saja,” katanya.

Katanya, dai termasuk pendakwah wanita perlu memiliki kemahiran

mendekati masyarakat seterusnya membimbing mereka ke arah kebajikan. Penyertaan secara langsung membolehkan pendakwah menjadi rujukan apabila timbul sesuatu masalah

orang yang tidak mempunyai kredibiliti dan ini sangat berbahaya," katanya.

Katanya, jawapan diberi pihak tidak mempunyai bidang kuasa atau kepakaran selalunya lebih menambahkan kekeliruan dan disebabkan itu, pendakwah dengan kredibiliti mereka wajar tampil untuk meleraikan kekeliruan.

Justeru, bagi mempersiapkan diri untuk berdepan pelbagai masalah baru yang melanda masyarakat khususnya umat Islam, pendakwah bukan saja perlu peka isu semasa malah mereka juga hendaklah bersedia dengan soalan-soalan yang tidak dijangka.

Mashitah berkata, selain setiap soalan dapat dijawab menggunakan bahasa mudah difahami, jawapan diberi juga perlu disertakan hujah tepat bersumberkan al-Quran, sunnah

serta pandangan pakar dalam bidang berkaitan.

Masyarakat hari ini katanya semakin bijak dan terdedah kepada sumber maklumat tanpa sekatan. Oleh itu, akan lahir soalan yang menjurus kepada perdebatan maka situasi itu perlu ditangani secara berhikmah.

"Contohnya, orang seperti Irshad Manji, penulis buku yang menimbulkan kontroversi dengan pandangan beliau yang banyak menggunakan logik akal dalam memperkatakan isu berkaitan agama, bagaimana kita hendak berdepan dengan orang seperti ini.

"Jadi, pendakwah kita bukan saja perlu berani malah mempunyai tahap keilmuan menandingi daya pemikiran beliau. Ini kerana golongan seperti ini sukar untuk menerima pandangan orang lain melainkan hujah

teknologi maklumat yang menjadi cabaran dakwah terutama apabila masyarakat lebih mudah terpengaruh dengan apa yang dipaparkan melalui teknologi canggih.

Arus globalisasi juga memperlihatkan semakin banyak fenomena baru berbentuk fikrah dan idea berasaskan akal tanpa bersandarkan al-Quran atau sunnah yang datang daripada bukan Islam, juga kalangan umat Islam sendiri.

Kemunculan secara aktif golongan menamakan diri mereka sebagai pembawa aliran pemikiran Islam liberal bukan saja memperjuangkan perkara bertentangan syariat Islam, malah mereka juga berani mencabar undang-undang Islam serta peraturan ditetapkan pihak berkuasa agama.

"Bagi mereka, semua ini hak asasi manusia yang mesti mengatasi apa

wanita perlu memiliki kemahiran tertentu bagi menjamin penyampaian dakwah Islamiah dapat dijalankan secara sistematik, berstrategik dan berkesan. Kemahiran menggunakan teknologi komunikasi terkini boleh dimanfaatkan bagi menakluk hati kumpulan sasaran dengan ajaran Islam yang sarat nilai murni serta bersifat sejagat.

Kemampuan berkomunikasi dengan semua peringkat *mad'u* (orang yang didakwah) dalam pelbagai bahasa adalah kelebihan kepada pendakwah untuk menjayakan misi dakwah kerana ramai yang mula berjinak dengan Islam tetapi gagal mendapat maklumat secara terus disebabkan halangan bahasa.

Mashitah menyarankan pendakwah wanita untuk turun padang dan terbabit dalam kerja amal bagi

masalah.

"Situasi berlaku dalam masyarakat Islam masa kini memerlukan wanita berperanan aktif dalam bidang dakwah. Kemajuan wanita banyak mengundang persoalan baru yang perlu ditangani pendakwah wanita sendiri.

"Pendakwah wanitalah yang lebih memahami tabiat, kedudukan dan permasalahan dihadapi wanita. Dengan itu mereka lebih berupaya menembus hati kumpulan berkenaan dengan pendekatan bersesuaian serta serasi fitrah wanita," katanya.

Pendakwah seperti juga pemimpin perlu memiliki gaya kepemimpinan yang berani, bersedia mengambil risiko, berfikiran terbuka ketika berbincang serta memberi motivasi, bukan menyalahkan orang lain selain memiliki ketrampilan menarik.